



**GARIS PANDUAN  
DASAR WAJIB SIAR LAGU-LAGU BARU TEMPATAN  
(DWSLBT) DI STESEN RADIO AWAM DAN SWASTA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN  
(KPKK)**

## **GARIS PANDUAN**

### **DASAR WAJIB SIAR LAGU-LAGU BARU TEMPATAN (DWSLBT)**

### **DI STESEN RADIO AWAM DAN SWASTA**

---

#### **1. TUJUAN**

Garis Panduan ini adalah untuk memaklumkan mengenai kaedah pelaksanaan Dasar Wajib Siar Lagu-lagu Baru Tempatan (DWSLBT) oleh stesen-stesen radio di Malaysia.

#### **2. LATAR BELAKANG**

YB Menteri KPKK telah mengarahkan semua stesen radio awam dan swasta menyiarkan lagu-lagu baru tempatan mulai 1 Mac 2010. Sehubungan itu, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah menyediakan garis panduan bagi tujuan pelaksanaan dasar baru ini.

Pelaksanaan dasar ini juga memerlukan pembabitan pelbagai pihak di sepanjang rangkaian nilai kandungan muzik (***music content value chain***) seperti berikut:

- a) aspek kreatif seperti komposer muzik, penulis lirik dan artis;
- b) aspek rakaman seperti syarikat-syarikat rakaman ataupun individu terbabit termasuk artis;
- c) aspek pengedaran dan penjualan; dan
- d) aspek penyiaran termasuk stesen-stesen radio.

### 3. OBJEKTIF

Objektif pelaksanaan dasar ini ialah untuk membantu merangsang pembangunan industri muzik tanah air melalui pembabitan stesen-stesen radio secara langsung. Pelaksanaan dasar ini melibatkan pembabitan pelbagai pihak, iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), stesen-stesen radio awam dan swasta juga penggiat industri muzik tanah air.

OBJEKTIF			
Merangsang Pembangunan Industri Muzik Tanahair			
KOMPONEN UTAMA PELAKSANAAN			
Panel Penilaian Lagu-lagu Tempatan (PPLT)	Formula Penyiaran Lagu-lagu Baru Tempatan	Pemantauan Pelaksanaan Dasar	Laporan Pematuhan
KPKK	PPLT	SKMM & Pengesan Siaran Stesen, KPKK	Stesen-stesen Radio Awam & Swasta

### 4. DEFINISI


4.1 Bagi tujuan garis panduan ini, takrifan atau definisi '**lagu tempatan/Malaysia**' adalah seperti berikut:-

Kandungan Radio berasaskan '**muzik**' dianggap sebuah kandungan Malaysia jika kandungan tersebut sesuai dengan salah satu daripada kriteria berikut:

- 4.1.1 **'Lirik'** (jika ada) ditulis atau ditulis bersama oleh rakyat Malaysia;
  - 4.1.2 **'Muzik'** itu digubah atau digubah bersama oleh rakyat Malaysia;
  - 4.1.3 Muzik atau lirik lagu itu dipersembah atau dinyanyikan pada prinsipnya oleh pemuzik rakyat Malaysia. Dalam konteks ini, jika tiga (3) daripada lima (5) pemain muzik dalam kumpulan pemuzik adalah rakyat Malaysia akan dianggap sebagai Kandungan Malaysia;
  - 4.1.4 Jika artis atau pemain muzik adalah bukan rakyat Malaysia, rakaman dan produksi muzik mesti dibuat di Malaysia; dan
  - 4.1.5 Jika rakaman dan produksi muzik dibuat di luar negara, penyanyi atau pemain muzik adalah rakyat Malaysia.
- 4.2 **'Lagu baru'** pula adalah ditakrifkan sebagai lagu ciptaan baru atau lagu lama yang digubah atau dirakam semula dan dinyanyikan oleh penyanyi asal dan/atau penyanyi lain dan telah diluluskan oleh Panel untuk siaran. Jangkamasa takrif 'lagu baru' ialah sebulan (30 hari) daripada ia disiarkan di sesebuah stesen radio.

## **5. PANEL PENILAIAN LAGU TEMPATAN (PPLT)**

- 5.1 Panel Penilaian Lagu Tempatan (PPLT) akan ditubuhkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk menentukan kualiti dan kesesuaian mana-mana lagu tempatan baru sebelum disiarkan oleh stesen-stesen radio. PPLT terdiri daripada dua (2) entiti seperti berikut:-
- a) Panel Penilaian Lagu Tempatan Induk berfungsi memperakukan lagu-lagu baru tempatan yang telah dinilai oleh Panel Penilai Pertama.
  - b) Panel Penilai Pertama yang berfungsi sebagai penilai lagu-lagu mengikut genre kepada PPLT Induk.
- 5.2 Peruntukan bayaran adalah mengikut kadar sedia ada dan hanya akan dibayar kepada panel penilai bebas yang tidak terikat dengan mana-mana stesen penyiaran Kerajaan atau swasta.
- 5.3 Di samping itu, pewujudan satu pusat sehenti (*one-stop-centre*) ditubuhkan di Bahagian Rakam Khanah RTM bagi menyelaraskan penerimaan lagu-lagu tempatan baru untuk memudahkan syarikat-syarikat rakaman mahupun individu ataupun artis tempatan mengemukakan lagu-lagu yang baru diterbitkan kepada Panel ini untuk dinilai dan seterusnya diterima untuk disiarkan di bawah dasar ini.




5.4 Setelah lagu-lagu dinilai dan diluluskan untuk siaran oleh Panel, senarai lagu-lagu baru tempatan tersebut akan dipanjangkan kepada stesen-stesen radio untuk disiarkan melalui Bahagian Rakam Khanah RTM. Satu salinan juga akan dipanjangkan kepada SKMM untuk tujuan pemantauan.

5.5 Aliran kerja Panel Penilaian Lagu adalah seperti berikut:-

5.5.1 Lagu yang dihantar akan dinilai dan diluluskan oleh Panel Penilai Pertama. Proses akan mengambil masa satu (1) minggu atau 5 hari bekerja dari tarikh penghantaran.

5.5.2 Sekiranya diluluskan oleh Panel Penilaian Lagu Tempatan Induk, penghantar lagu/syarikat rakaman boleh menyemak senarai lagu yang diluluskan di laman web Radio Televisyen Malaysia (RTM). RTM akan menghantar salinan lagu berkenaan melalui RTM kepada radio-radio awam dan swasta.

5.5.3 Lagu yang telah diluluskan harus disiarkan oleh stesen radio dalam masa 1 (satu) minggu daripada tarikh kelulusan dengan syarat pihak syarikat rakaman/penghantar lagu mengikut proses kerja yang ditetapkan.



## 6. KAEDAH PENYIARAN LAGU-LAGU BARU TEMPATAN

6.1 Lagu-lagu baru yang telah diluluskan oleh panel, wajib disiarkan mengikut kekerapan **TIGA (3) ke LIMA (5)** buah lagu sehari mengikut kesesuaian lagu dan masa / segmen di stesen masing-masing. Tempoh siaran adalah selama sebulan (30 hari) daripada ia mula disiarkan di sesebuah stesen radio.

6.2 Perkara ini berkuatkuasa untuk semua stesen yang beroperasi 18 dan 24 jam.

- 6.3 Pihak stesen radio bebas memilih lagu-lagu baru daripada senarai lagu yang telah diluluskan oleh panel penilai untuk disiarkan mengikut '***sound of the station***' masing-masing.
- 6.4 Semua lagu baru yang terdapat dalam senarai kelulusan panel wajib disiarkan kecuali:-
- 6.4.1 Lagu tersebut adalah dalam bahasa selain dari bahasa pengantar stesen radio tersebut (Contohnya: Stesen berbahasa Tamil atau Mandarin tidak diwajibkan untuk menyiarkan lagu-lagu baru tempatan dalam Bahasa Malaysia); dan/atau
- 6.4.2 Lagu tersebut tidak termasuk dalam genre muzik atau format stesen radio tersebut.
- 6.5 Stesen radio swasta dikehendaki melaporkan secara bertulis kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sebarang pengecualian yang dibuat ke atas mana-mana lagu baru tempatan yang tidak disiarkan berdasarkan peruntukan di atas.
- 6.6 Para penyiar swasta dikehendaki mengemukakan laporan kepada pihak SKMM bagi setiap suku tahun.

## **7. PRINSIP PELAKSANAAN DWSLBT DI STESEN RADIO**

Bagi stesen radio sama ada milik Kerajaan ataupun swasta, pemilihan lagu adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:-



a. **Genre muzik atau format yang bersesuaian dengan konsep stesen, contohnya:**

- i. Stesen berunsur agama Islam seperti Radio IKIM tidak akan menyiarkan lagu-lagu baru yang mungkin tidak sesuai dengan format stesen tersebut sama ada dari aspek senikata atau lirik ataupun melodi kecuali lagu-lagu nasyid yang baru.
- ii. Stesen-stesen yang bercorak retro atau klasik seperti Sinar FM dan Klasik Nasional juga akan lebih cenderung untuk menyiarkan lagu-lagu bercorak 'nostalgia' berbanding irama rancak seperti 'pop'.

b. **Bahasa pengantar stesen**

Pemilihan lagu juga perlu disesuaikan dengan bahasa pengantar sesebuah stesen tersebut. Lagu lain-lain bahasa boleh disiarkan oleh stesen radio mengikut kesesuaian segmen yang diwujudkan oleh stesen masing-masing.

c. **Segmen atau program**

Lazimnya, penjadualan stesen radio adalah terbahagi kepada 6 hingga 8 segmen iaitu antara 3 hingga 4 jam bagi setiap segmen dalam sehari (24 jam). Dalam hal ini, adalah menjadi amalan kebanyakan stesen radio untuk tidak menyiarkan lagu-lagu yang

sama dalam setiap jam bagi sesuatu segmen, malah lagu yang sama juga tidak akan diulang dalam segmen seterusnya.

## **8. PENUTUP**

Garis Panduan ini akan dikaji keberkesanannya dari semasa ke semasa supaya ia sentiasa bersifat terkini dan relevan dengan perkembangan industri muzik tempatan. Pelaksanaan dasar ini diharap dapat membantu melonjakkan semula Industri Muzik Malaysia.

**Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan  
MALAYSIA**

**Jun 2010**